

# **Hak Bukan Islam Dalam Islam**

**Mohd Nizho Abdul Rahman |**

## **Pendahuluan**

Masyarakat pelbagai etnik, budaya dan agama merupakan ciri utama negara-negara di dunia pada hari ini. Hanya segelintir daripada 180 negara yang bernaung di bawah panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bercirikan masyarakat monoetnik. Persaingan dan konflik antara etnik sering berlaku di negara-negara yang berlatar belakangkan masyarakat pelbagai etnik. Dalam usaha menangani krisis dan konflik antara etnik ini, Islam mempunyai dasar dan kaedahnya tersendiri. Islam bukan sahaja sebagai satu anutan fahaman beragama, tetapi ia juga sebagai sumber pembentukan pandangan hidup (*world-view*) yang melahirkan komitmen penganutnya dalam mempertahankan kedamaian dan keharmonian hidup dalam masyarakat yang pelbagai etnik. Hak-hak golongan etnik bukan Islam seperti hak bersosial, hak berpolitik, hak beragama dan hak bekerja sangat dititikberatkan oleh Islam. Oleh itu, kertas ini akan cuba menumpukan perhatian kepada aspek tujuan manusia diciptakan dalam pelbagai etnik, pandangan Islam terhadap perhubungan etnik dan hak-hak etnik yang wajib dipelihara. Sesuatu yang diharapkan nanti ialah akan ada satu panduan yang dapat dijadikan asas dalam pembentukan masyarakat pelbagai etnik yang aman dan sejahtera.

### **AMA Tujuan Penciptaan Manusia Dalam Pelbagai Etnik.**

Allah S.W.T. menciptakan manusia dalam keadaan berbangsa-bangsa dan berpuak-puak. Ini merupakan fitrah ciptaan Allah S.W.T. yang tidak dapat dinafikan lagi kewujudannya. Hikmah manusia diciptakan dalam pelbagai etnik ini adalah bagi membolehkan mereka berkenal-kenalan dan berhubung-hubungan antara satu sama lain. Perkara ini telahpun dijelaskan oleh Allah S.W.T. di dalam firmanNya:

*Maksudnya: "Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu saling kenal-mengenali. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu disisi Allah ialah orang yang paling takwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal." (al-Hujurat, 49:13)*

Islam tidak pernah melarang umatnya berinteraksi dan mengadakan hubungan antara kaum, sama ada Islam ataupun bukan Islam. Sejarah telah membuktikan bahawa Rasulullah S.A.W. sendiri pernah mengadakan hubungan dengan golongan etnik bukan Islam, malah pernah meminta pertolongan daripada Raja Najasyi yang beragama Kristian ketika para sahabat berhijrah ke Habsyah (Ethopia) bagi mendapat suaka politik akibat daripada penindasan kaumnya sendiri. Ini menunjukkan hubungan dan interaksi yang berlaku adalah suatu yang diharuskan dan dibenarkan (al-Mawdudi, 1997).

Dalam peristiwa lain Rasulullah S.A.W. dan Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. pernah meminta bantuan kepakaran seorang lelaki yang bernama Abdullah bin Uraiqit daripada Bani al-Du'il sebagai juru pandu jalan, sedangkan lelaki tersebut bukan beragama Islam (Muhammad Husain, 1998). Ini menunjukkan bahawa Islam tidak pernah bersikap prejudis terhadap etnik dan agama yang lain selagi mereka menghormati dan dapat berkerjasama dalam melakukan kebaikan.

Setiap tindakan yang dibuat oleh Rasulullah S.A.W. adalah berdasarkan wahyu daripada Allah S.W.T. Ia merupakan tindakan yang bijaksana, berstrategi, terarah dan mendapat keredhaan Allah S.W.T. meskipun terpaksa memohon perlindungan daripada etnik yang berbeza agama dan boleh menerima mereka. Keadaan ini diharuskan dalam Islam selagi perhubungan tersebut tidak bercanggah dengan kehendak Islam dan menggadai prinsip-prinsipnya (al-Buti, 1991).

Sebenarnya umat Islam diharuskan menjalini perhubungan yang baik dengan etnik bukan Islam. Perhubungan ini harus dipupuk dengan persefahaman dan kerjasama yang sihat semoga suasana aman dan harmoni dapat dicapai demi untuk meningkatkan lagi pembangunan masyarakat. Namun demikian, sejarah juga telah mengajar kita bahawa sikap berhati-hati tidak harus dilonggarkan sehingga persediaan kita untuk bertindak memulihkan kekeruhan dan ketegangan yang berlaku terjejas daya efektifnya.

Kaedah dan landasan yang menjadi dasar dalam perhubungan antara etnik ialah firman Allah S.W.T.:

*Maksudnya: "Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu karena agama (kamu) dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan sebagai kawanmu orang-orang yang memerangimu karena agama (kamu) dan mengusir kamu dari negerimu, dan membantu (orang lain) untuk mengusirmu dan (ingatlah) sesiapa yang menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang yang zalim." (al-Mumtahanah, 60:8-9)*

Berdasarkan ayat di atas, jelaslah bahawa Islam menetapkan hukum yang adil dan benar, iaitu permusuhan dan pemulauan hanya boleh dilakukan jika dalam keadaan perang atau ketika orang bukan Islam memerangi umat Islam. Jika keadaan seperti itu tiada lagi, maka orang Islam dibenarkan untuk berhubungan dan bersikap baik dengan orang bukan Islam. Malahan kebijakan dan hak mereka juga wajib dijaga.

### **Islam Dan Perhubungan Etnik.**

Islam merupakan agama yang bersifat *syumul* (universal), sarwajagat dan tanpa sempadan. Semua golongan manusia tidak kira bangsa atau etnik diukur kehebatan mereka dari aspek ketakwaannya kepada Allah S.W.T. tanpa dilihat dari sudut fizikal yang boleh dikagumi dan dibanggai. Rasulullah S.A.W. telah menegaskan perkara ini dalam sabbanya:

*Maksudnya: "Tidak ada perbezaan antara orang Arab dan bukan Arab melainkan takwa." (al-Baihaqi, 1987)*

Kedudukan ini jelas menunjukkan sikap Islam terhadap bangsa ataupun etnik yang tidak ada perbezaan kecuali agama yang menjadi pegangan hidup mereka. Ini jelas bahawa Islam tidak menindas dan mendiskriminasi masyarakat bukan Islam yang berbeza agama dan etnik. Tidak tercatat dalam sejarah Islam bahawa golongan bukan Islam ditindas dan dianiaya hak-hak mereka. Sebaliknya terbukti dalam sejarah pemerintahan Rasulullah S.A.W. bahawa rakyat bukan Islam menikmati semua hak mereka sebagai warganegara dengan penuh jaminan kebebasan, keselamatan dan perlindungan seperti yang dinikmati oleh masyarakat Islam. Rasulullah S.A.W. meletakkan rakyat bukan Islam sebagai rakan di atas asas *tasamuh* (toleransi) yang tinggi. Dasar persamaan layanan ini dilaksanakan tanpa mengira keturunan, kedudukan, sosial dan agama.

Islam hanya meletakkan status etnik bukan Islam dalam dua kategori iaitu *ahl al-Zimmi* dan *al-Harbi*. *Al-Zimmi* ialah golongan etnik bukan Islam yang akur dengan pemerintah Islam; tinggal bermukim bersama-sama umat Islam walau apapun pegangan agama masing-masing; dan bersedia untuk berada di bawah naungan pemerintahan Islam. Adapun golongan *al-Harbi* pula ialah mereka yang tidak sanggup berada di bawah pemerintahan Islam bahkan mahu berperang dengan pemerintah (al-Mawardi, 1985).

Namun, penduduk dalam sesebuah negara Islam itu adalah terdiri daripada umat Islam dan *al-Zimmi* yang terjamin kebijakan dan hak mereka. Ini kerana syariat Islam menetapkan bahawa perlindungan diberikan atas dasar iman dan aman. Dimaksudkan dengan iman ialah memeluk Islam, manakala aman pula ialah

dengan mengadakan perjanjian yang disebut *al-Aqd al-Zimmah* (al-Khatib, 1990). Al-Buti (1991) mendefinisikan *al-Aqd al-Zimmah* sebagai suatu kontrak atau perjanjian yang penguatkuasaannya berdasarkan pada kejujuran dan keikhlasan masyarakat itu. Perjanjian ini jugalah yang menentukan taraf dan kedudukan orang bukan Islam di negara Islam.

Islam tidak pernah menjadikan masalah etnik, rupa paras, warna kulit, keturunan dan kedudukan sebagai syarat mengadakan hubungan kemanusian sesama manusia. Dalam hal ini, golongan etnik bukan Islam juga diberi hak yang telah ditetapkan syarak dan hak tersebut tidak boleh dinafikan oleh sesiapapun.

Sejak zaman para sahabat, sepetimana yang berlaku kepada Sayyidina Ali bin Abi Talib r.a. yang diadili dan didapati tidak berhak menerima kembali tuntutan baju besi miliknya yang telah dirampas oleh seorang Yahudi pada zaman pemerintahannya kerana kekurangan bukti. Beliau akur dengan keputusan yang telah dibuat oleh hakim walaupun ketika itu beliau adalah seorang pemimpin tertinggi negara Islam. Tidak terdapat sebarang tekanan sama ada secara terang ataupun tersembunyi terhadap mana-mana individu yang berbeza agama dan etnik, asalkan etnik dan puak yang wujud inginkan perdamaian serta permuafakatan (al-Buti, 1991).

### **GA Hak-Hak Etnik Dalam Islam.**

Islam adalah agama (al-Din) yang mempunyai pengurusan hidup yang lengkap dan sempurna sama ada berkaitan dengan ibadah, muamalah, jenayah, munakahat dan sebagainya. Dalam Islam, setiap masyarakat akan diberikan hak dan perlindungan masing-masing agar kehidupan mereka sentiasa aman dan selamat tanpa digangu gugat oleh sesiapapun. Sebagai langkah mengatasi perselisihan etnik dan pertembungan yang tidak sihat, Islam sejak zaman pemerintahan Rasulullah S.A.W. di Madinah telah menetapkan sebuah perlembagaan yang dapat melindungi hak-hak kebersamaan rakyat dalam negara.

Perlembagaan yang digubal itu lebih dikenali *Sahifah al-Madinah* atau Perlembagaan Madinah. Ia mengandungi 47 fasil. Di antara perkara-perkara yang termaktub di dalamnya ialah hak-hak kebebasan manusia seperti hak kebebasan beragama dan kebebasan mengamalkan adat istiadat masing-masing. Ini merupakan salah satu pengiktirafan Islam terhadap hak-hak orang lain walaupun berbeza agama dan etnik (al-Mawdudi, 2000).

Perkara yang dapat dilihat secara jelas ialah tentang peranan agama Islam menjaga hak etnik minoriti yang berada di bawah naungannya. Misalnya, dalam perlembagaan Madinah, ada disebut secara khusus berkaitan hak dan keselamatan kaum minoriti iaitu Yahudi. Segala harta benda dan nyawa mereka mendapat jaminan perlindungan daripada Islam (al-Mawdudi, 2000).

Perkara ini juga telah dijelaskan oleh Rasulullah S.A.W. dalam hadisnya:

*Maksudnya: "Sesiapa yang menyakiti seseorang kafir zimmi, maka akulah musuhnya. Sesiapa yang aku menjadi musuhnya, nescaya aku memusuhinya pada hari kiamat nanti." (al-Suyuti, 1967)*

Jelaslah bahawa Rasulullah S.A.W. milarang sebarang penganiayaan terhadap golongan bukan Islam atau terhadap golongan etnik yang ada pada waktu itu, walaupun mereka berbeza fahaman dan agama. Amat jelas sekali bahawa Islam adalah agama yang menganjurkan perhubungan sesama manusia dan meletakkan sifat kemanusian, kesabaran dan kemaafan itu mengatasi kenangan pahit dan permusuhan silam walaupun pernah dianiiaya, bahkan sering dikhianati dalam perjanjian yang sudah disepakati pada suatu ketika dahulu. Hal ini seperti yang telah terjadi di antara golongan etnik Yahudi dengan umat Islam di Madinah yang pernah hidup bersama.

Sebagai contoh perhubungan etnik yang mementingkan aspek kemanusian dan menolak perasaan dendam kesumat ialah seperti yang pernah berlaku dalam sejarah pembunuhan kejam manusia di Jerman. Sebuah kerajaan Islam Turki (Uthmaniah Turki) pernah menyelamatkan puluhan ribu nyawa penduduk Yahudi yang terancam akibat daripada kekejaman pemimpin Jerman ketika itu (Hitler) yang membunuh hampir 6 juta penduduk. Mereka telah mendapat suaka politik daripada kerajaan Islam ketika itu (al-Qardawi, 2001)

Peristiwa ini jelas menggambarkan tidak timbul sedikitpun sikap permusuhan dan dendam di hati sanubari umat Islam terhadap golongan etnik bukan Islam. Agenda kedamaian ataupun disebut rahmat kepada sekelian alam menjadi fokus utama walaupun suatu ketika mereka pernah dianiiaya oleh golongan etnik bukan Islam. Namun, dalam masalah perhubungan etnik, Islam memberi perhatian serius tentang hak-hak hubungan di antara mereka seperti hak sosial, hak kebebasan beragama, hak politik dan hak berekonomi. Setiap perkara yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat diberi perhatian yang sewajarnya agar hubungan yang terjalin di antara etnik berjalan dengan baik dan lancar.

Untuk melihat sejauh mana hasil yang diperolehi oleh golongan etnik bukan Islam di dalam peruntukan hak tersebut; dan bagaimanakah iltizam negara dan masyarakat Islam dalam penghayatan serta pelaksanaannya, maka satu analisis ringkas tentang hak-hak tersebut diperlukan.

#### **HAK HAKAT Hak Bersosial.**

Setiap etnik yang berada dalam kelompok masyarakat majmuk di bawah

pemerintahan Islam, mereka bebas melakukan sebarang aktiviti sosial tanpa sebarang sekatan atau larangan. Mereka dibenarkan untuk merancang dan melaksanakan sebarang aktiviti-aktiviti yang mereka rasa perlu selagi tidak menggugat kesejahteraan dan keamanan negara.

Khalifah Umar Abdul Aziz r.a. pernah menulis surat kepada Imam Hasan al-Basri r.a. untuk bertanyakan tentang sikap Khulafa' al-Rasyidin yang tidak mengambil sebarang tindakan dan hukuman terhadap *ahl al-Zimmi* ( golongan bukan Islam) yang menjual khinzir dan arak di kalangan mereka. Imam Hasan al-Basri r.a. menjawab, sebarang kegiatan yang mereka lakukan meskipun bertentangan dengan ketetapan Islam ia tetap diberikan kebebasan. Misalnya dalam soal perkahwinan, mereka berhak berkahwin tanpa saksi; tanpa mas kahwin; berkahwin dalam masa iddah dan berkahwin dengan mahram. Dalam hal ini, Islam tidak berhak masuk campur sama sekali bahkan menggapnya sebagai harus kerana di sisi agama dan budaya mereka tidak menjadi satu kesalahan (al-Mawardi, 1985).

Dalam contoh yang lain seperti penggunaan bahasa, Rasulullah S.A.W. sendiri tidak pernah memaksa golongan etnik lain wajib mempelajari bahasa Arab bahkan sebaliknya Baginda S.A.W. sendiri memberi galakkan dan menyuruh para sahabatnya mempelajari bahasa *al-'Ibriyyah* (Hebrew) dan *al-Siryaniyyah* (Siyarac). Terdapat beberapa *athar* yang menjelaskan bahawa Baginda S.A.W. mengarahkan Zaid bin Thabit supaya mempelajari bahasa *al-Siryaniyyah* (Siyarac) dan *al-'Ibriyyah* (Hebrew) (al-Dhahabi, 1994). Di samping itu, Zaid bin Thabit juga mempelajari beberapa bahasa lain daripada sesiapa sahaja yang ditemuinya. Bahasa Parsi dipelajari daripada utusan Raja Kisra, mempelajari bahasa Rom daripada pengawal Nabi Muhammad S.A.W., mempelajari bahasa Habsyi daripada khadamnya sendiri dan bahasa mempelajari bahasa Qibti daripada khadam perempuan Baginda S.A.W. (al-'Akk, 1994).

Jelaslah bahawa untuk mewujudkan keserasian dalam hubungan sesama etnik, maka seseorang itu perlu menguasai bahasa kaum etnik lain agar mereka akan merasa aman. Di samping itu, akan wujud perasaan saling hormat menghormati di antara satu sama lain di atas kesungguhan rakan senegaranya memahami, meminati, menghormati serta mengiktiraf bahasa mereka.

Sama seperti kedudukan seorang Islam, kehormatan dan kemuliaan seseorang *ahl al-Zimmi* tetap dipelihara. Lantaran itu, tidak ada sesiapapun yang diharuskan mencelanya atau menuduhnya dengan tuduhan yang tidak betul atau memburuk-burukannya dengan perkara yang sengaja diada-adakan atau mengumpatnya atau menyebut-nyebut tentang perkara yang tidak disukainya sama ada ia berkaitan dengan dirinya, keturunannya, fizikalnya, budi bahasanya atau perkara-perkara yang berkaitan dengan dirinya.

Al-Qarafi, seorang tokoh terkemuka Mazhab Maliki di dalam ilmu fiqh dan usul telah menyebut:

*"Sesungguhnya perjanjian zimmah itu telah memberikan pelbagai hak kepada mereka yang diwajibkannya ke atas kita kerana mereka hidup di sisi kita; di dalam kawalan kita; di dalam jaminan kita; jaminan Allah S.W.T., jaminan Rasulullah S.A.W. dan jaminan agama Islam sendiri. Maka dengan kerana itu sesiapa yang mencerobohi mereka sekalipun dengan sepatah perkataan yang buruk atau umpatan maka dia telah mensia-siakan jaminan Allah S.W.T., RasulNya dan agama Islam." (Ibn 'Abidin, 1966)*

Di dalam kitab *al-Durr al-Mukhtar*, salah sebuah kitab Mazhab Hanafi ada dijelaskan:

*"Wajiblah dihalang sebarang perbuatan yang menyakiti seseorang zimmi dan diharamkan perbuatan mengumpat dirinya, sama seperti diri seorang Islam. Di dalam memberikan pandangannya terhadap pendapat ini, Ibn 'Abidin berkata: Kerana dengan terlaksananya perjanjian zimmah itu maka wajiblah diberikan kepadanya hak yang sama dengan hak kita. Dengan kerana itu apabila diharamkan mengumpat diri seorang Islam maka diharamkan juga mengumpat dirinya, malahan kata mereka, menzalimi seseorang zimmi itu lebih besar dosanya." (Ibn 'Abidin, 1966)*

#### **IA Hak Kebebasan Beragama.**

Islam memperakui kebebasan beragama bagi setiap orang. Ini bermaksud tiada sesiapapun di antara rakyat negara Islam yang harus dipaksa menganut agama Islam atau meninggalkan segala kepercayaan yang dianutinya. Inilah salah satu di antara pelbagai kebebasan yang diberikan Islam kepada *ahl al-Zimmah* atau golongan etnik bukan Islam.

Asas kepada kebebasan ini berdasarkan kepada beberapa ayat al-Qur'an, di antaranya firman Allah S.W.T.:

*Maksudnya, "Tiada paksaan di dalam agama (Islam) kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) daripada kesesatan." (al-Baqarah, 2:256)*

Allah S.W.T. berfirman lagi:

*Maksudnya: "Maka patutkah engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman." (Yunus, 10:99)*

Berdasarkan kepada pengertian kedua-dua ayat di atas, jelaslah bahawa Islam tidak memaksa orang bukan Islam memeluk agama Islam. Dalam soal memilih agama, Islam memberi kebebasan kepada individu memilih agama yang ingin mereka anuti. Namun bagi orang yang telah menganut Islam, mereka tidak dibenarkan sama sekali murtad. Ajaran Islam sangat jelas dan nyata dalam membezakan yang hak dengan yang batil.

Di dalam perjanjian Rasulullah S.A.W. dengan sebahagian etnik Arab yang bukan beragama Islam, seperti perjanjian Baginda dengan penduduk Najran dan lain-lain, memang Baginda S.A.W. memberikan mereka kebebasan menegakkan syiar agama mereka. Begitu juga dengan pegawai-pegawai gereja serta ahli agama mereka, mereka diberikan kebebasan untuk menikmati hak-hak serta pengaruh mereka yang lama dalam suasana yang aman dan tenang (Mat Saad, 1995).

Di antara beberapa kaedah yang masyhur di kalangan sarjana Islam berkaitan dengan *ahl al-Zimmah* atau golongan etnik bukan Islam ialah kaedah "*kita biarkan mereka dengan agama mereka*." Lantaran itu kita tidak harus mengganggu akidah mereka. Hak ini sebenarnya amat jelas, jika ia tidak diperakui maka sudah tentu tidak harus dimeteraikan Perjanjian *Zimmah* dengan mereka kerana perjanjian itu akan memberikan mereka hak untuk kekal dalam akidah dan hak untuk tidak diganggu dalam urusan agama mereka (al-Qardawi, 1977).

Jelaslah bahawa golongan bukan Islam daripada pelbagai etnik diberi kebebasan menganuti agama masing-masing. Justeru dalam bidang pendidikan, mereka tidak pernah dipaksa untuk mempelajari pelajaran agama Islam bahkan mereka berhak menyusun urusan pendidikan agama mereka di sekolah-sekolah awam di seluruh negara atau di sekolah-sekolah yang khusus untuk mereka.

Rumah ibadat mereka juga tidak boleh diganggu dan dirobohkan. Jika dirobohkan mereka berhak membina semula rumah ibadat itu asalkan ia tidak dibina dalam kawasan penempatan yang dibangunkan oleh orang Islam. Adapun di kampung-kampung atau tempat-tempat yang bukan menjadi pusat orang Islam, ulama Mazhab Syafi'i berpendapat harus secara mutlak mereka membina rumah-rumah ibadat di kampung-kampung tersebut (Mat Saad, 1995).

Selain itu, Islam membenarkan golongan etnik bukan Islam menghidupkan syi'ar agama mereka di dalam rumah-rumah ibadat mereka. Tetapi mereka dilarang melakukannya di dalam kawasan-kawasan yang menjadi pusat penempatan orang Islam kerana kawasan-kawasan ini adalah tempat bagi orang Islam menampilkan pelbagai syi'ar agama mereka seperti mengadakan sembahyang jemaah dan Jumaat, merayakan hari-hari kebesaran Islam, melaksanakan hudud dan seumpamanya. Oleh itu, adalah tidak wajar dihidupkan syi'ar agama lain yang bercanggah dengan syi'ar Islam kerana keadaan ini dirasakan sebagai merendah-rendahkan kedudukan orang Islam dan menentang mereka. Tetapi di kawasan-kawasan kampung dan

tempat-tempat yang bukan menjadi pusat penempatan orang Islam, mereka tidak dilarang untuk mengembangkan syi'ar agama mereka. Ini adalah pendapat ulama Mazhab Hanafi (Mat Saad, 1995).

Ulama Mazhab Hanbali pula mengatakan tidak harus secara mutlak iaitu mereka tidak dibenar mengzahirkan salib yang menjadi lambang agama mereka dan membunyikan loceng-locheng rumah ibadat mereka. Ulama Mazhab Syafi'i bersetuju dengan pendapat Mazhab Hanbali, tetapi mereka menegaskan bahawa harus bagi mereka melakukan syi'ar agama mereka apabila tinggal berasingan di dalam satu kawasan (Mat Saad, 1995).

Di dalam persoalan ini, larangan mereka melakukan upacara-upacara agama di luar rumah-rumah ibadat di dalam kawasan yang menjadi pusat penempatan orang Islam adalah lebih berdasarkan kepada kepentingan umum (*maslahah ammah*) kerana ditakuti akan berlaku fitnah dan suasana yang tidak tenteram di dalam masyarakat. Oleh kerana itu jika mereka melakukannya di kampung-kampung atau di tempat-tempat yang bukan menjadi pusat penempatan orang Islam, maka mereka tidak wajar dilarang. Dengan itu dapatlah difahami bahawa larangan itu bukanlah sepenuhnya ditujukan khas kepada syi'ar agama mereka, tetapi suasana buruk atau tidak tenteram yang mungkin akan timbul nanti (Abd al-Karim, 1976).

Golongan etnik bukan Islam diberi kebebasan penuh untuk memuji dan mengagung-agungkan agama mereka. Malah pemerintah tidak boleh membantah mana-mana puak etnik bukan Islam yang ingin menukar agama mereka kepada agama yang lain. Sebarang perundungan berkaitan murtad hanya dikenakan kepada orang Islam yang murtad. Ia sama sekali tidak dikenakan kepada golongan bukan Islam sekalipun mereka mengajak orang-orang Islam supaya murtad.

Dalam memelihara hubungan etnik yang sedia terjalin, pemerintah Islam tidak boleh sekali-kali memaksa etnik yang bukan Islam berpegang kepada akidah dan amalan yang bercanggah dangan agama mereka. Mereka dibenarkan melakukan segala amalan yang bertepatan dengan agama mereka selagi tidak bercanggah dengan undang-undang negara. Bahkan Islam secara tegasnya melarang penganutnya mencaci dan mencela tuhan-tuhan golongan etnik bukan Islam yang lain. Perkara ini dinyatakan oleh Allah S.W.T. menerusi firmanNya:

*Maksudnya: "Dan Janganlah kamu memaki sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah kerana nanti mereka akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan." (al-An'am, 6:108)*

Jelas di sini bahawa Islam memelihara hubungan sesama manusia dari pelbagai aspek. Sebarang masalah yang timbul dalam agama, Islam menganjurkan supaya

diadakan perbincangan atau musyawarah dengan mengambil kira pandangan dan anjuran agama etnik yang lain dalam mencari titik penyelesaian. Dalam hal ini Rasulullah S.A.W. sendiri pernah menjatuhkan hukuman kepada wanita dan lelaki Yahudi dengan merujuk kepada peraturan dan undang-undang yang terdapat dalam kitab mereka iaitu Taurat (al-Qardawi, 2001).

**M****Hak Berpolitik.**

Golongan etnik bukan Islam diberi kebebasan dalam arena politik seperti memberi ucapan, menulis, mengeluarkan pendapat, buah fikiran dan mengadakan perhimpunan sama seperti orang Islam. Mereka juga diberi hak memilih wakil rakyat dalam satu majlis perwakilan yang diwakili etnik mereka sendiri. Ini bagi membolehkan mereka menunaikan sebarang keperluan hidup mereka, bahkan menyatakan pendapat-pendapat mereka berkaitan hal ehwal pentadbiran negara.

Majlis perwakilan yang diwujudkan ini adalah dikhatususkan kepada mereka sahaja. Keanggotaan dan hak mengundi adalah di kalangan mereka dan kebebasan diberikan sepenuhnya kepada mereka. Mereka juga diberi kebebasan melalui majlis ini untuk menggubal undang-undang baru atau memperbaiki undang-undang yang sedia ada yang berkaitan dengan hal ehwal kehidupan mereka dan dikira sebagai undang-undang setelah diperkenan oleh ketua pemerintah.

Mereka juga boleh mengemukakan aduan, bangkangan, pandangan dan cadangan yang berkaitan sistem pemerintahan kerajaan dan ketetapan majlis syura dengan bebas. Kerajaan Islam boleh mengkajinya dengan penuh adil dan saksama. Selain itu, mereka berhak mengajukan soalan-soalan berkaitan hak etnik mereka. Sehubungan itu, pemerintahan Islam mestilah menyediakan seorang wakil untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul (Mohd. Hafiz Mahyuddin, 2002).

Golongan etnik bukan Islam mempunyai peluang yang sama dengan orang bukan Islam untuk memegang pelbagai jawatan di dalam kerajaan kecuali sebahagiannya sahaja iaitu yang mempunyai sifat keagamaan, seperti jawatan-jawatan di peringkat kepimpinan negara/kerajaan, ketenteraan, kehakiman orang Islam, pengurusan zakat dan seumpamanya (Mat Saad, 1995).

Kepimpinan negara atau kerajaan merupakan pucuk pimpinan umum di dalam urusan agama dan dunia sebagai ganti kepada kepimpinan Rasulullah S.A.W. Maka dengan kedudukan yang sebegini, ia tidak harus diserahkan kecuali kepada orang Islam sahaja, lagipun tidak akan diterima akal untuk diserahkan tugas melaksanakan hukum-hukum Islam serta memeliharanya kepada orang lain selain daripada penganut Islam sendiri.

Kepimpinan ketenteraan tidak harus dianggap sebagai satu pekerjaan awam, malah ia merupakan salah satu di antara pelbagai ibadat Islam kedudukannya yang teratas di antara semua ibadat. Lantaran itu ia menjadi tanggungjawab orang Islam sahaja bukannya golongan etnik bukan Islam. Biarpun begitu mereka masih mempunyai hak untuk turut bersama-sama orang Islam mempertahankan negara dan mengiltizamkan diri dengan tanggungjawab ini.

Kehakiman pula berperanan menjatuhkan hukuman berdasarkan syariat Islam, maka sudah tentu ia tidak wajar dituntut daripada seorang yang tidak menganuti syariat itu untuk melaksanakannya. Begitulah juga dengan pengurusan zakat dan seumpamanya yang tergolong dalam tugas-tugas agama (al-Qardawi, 1977).

Dalam hal ini, terdapat sebuah Hadis Rasulullah S.A.W. yang memberi keizinan tentang perkhidmatan orang bukan Islam dan mereka berhak mendapat gaji yang setimpal di atas kerja yang mereka lakukan. Pihak pemerintah boleh melantik mereka menjalankan tugas negara yang telah ditetapkan dan memastikan perancangan kerajaan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Seperti jawatan yang diwujudkan adalah berkisar tentang hal-hal kebajikan rakyat, mereka diberi hak dan keutamaan. Ia bertujuan untuk mewujudkan kestabilan politik dan negara. Bagi menjawat jawatan ini mereka dilayan berdasarkan kelayakkan dan kemampuan yang menjadi kayu ukur yang sama untuk golongan Islam dan bukan Islam. Mereka tidak dilayan atas dasar perkauman atau etnik tertentu. Orang yang berkelayakkan akan dipilih daripada kedua-dua etnik, Islam dan bukan Islam tanpa sebarang perbezaan dari mana-mana sudut. Keadaan ini jelas menunjukkan Islam membuka seluas-luasnya peluang kepada etnik yang lain untuk sama-sama membangunkan negara. Dengan demikian kehidupan rakyat akan terjamin dan negara dapat dibangunkan dengan jayanya. Seterusnya akan melahirkan masyarakat yang sentiasa memahami tugas masing-masing sebagai warganegara yang bertanggungjawab mewujudkan kestabilan politik dan negara (al-Qardawi, 2001).

Sesungguhnya semua jawatan kerajaan (selain daripada di atas) harus diserahkan kepada golongan etnik bukan Islam untuk mengendalikannya apabila sempurna syarat-syarat kelayakan yang diperlukan, seperti kecekapan mengendalikan pekerjaan, beramanah dan jujur kepada negara. Sebaliknya, mereka yang mempunyai hasad dengki terhadap orang Islam, sama sekali tidak akan diberikan peluang (Mat Saad, 1995).

Keharusan ini berdasarkan kepada kehendak al-Qur'an sebagaimana firman Allah S.W.T.:

*Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu ambil menjadi teman kepercayaanmu orang-orang yang, di luar kalanganmu (kerana) mereka tidak henti-hentinya (menimbulkan)*

*kemudaranat bagimu. Mereka menyukai apa yang menyusahkan kamu. Telah nyata kebencian dari mulut mereka, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka adalah lebih besar lagi. Sesungguhnya telah Kami terangkan kepadamu ayat-ayat (Kami), jika kamu memahaminya.” (Ali Imran, 3:118)*

Ayat di atas diturunkan berhubung dengan orang bukan Islam yang telah mengadakan Perjanjian *Zimmah* dengan Rasulullah S.A.W. Daripada pengertiannya, ia tidak melarang orang Islam bekerjasama dengan etnik bukan Islam dengan syarat mereka itu tidak menyimpan hasad dengki dan niat buruk terhadap orang Islam dan negara. Dalam maksud yang lain, larangan itu ditujukan kepada mereka yang jelas memusuhi Islam. Ini bermaksud bahawa harus bagi orang Islam mengambil golongan etnik bukan Islam sebagai rakan sekerja untuk mentadbir dan membangunkan negara. Harus diletakkan kepercayaan dan mendapatkan fikiran mereka di dalam urusan-urusan penting negara kecuali pada sebilangan kecil jawatan seperti yang telah disebutkan sebelum ini.

Pendapat di atas telah disokong oleh sunnah Rasulullah S.A.W. berkaitan dengan 70 orang tawanan Perang Badar yang tidak memiliki sebarang harta untuk menebus diri mereka. Sebagai syarat untuk menebus diri, Baginda meminta mereka mengajar anak-anak golongan Ansar menulis. Sesudah itu Baginda membebaskan mereka. Hadis ini secara langsung menunjukkan bahawa Baginda telah menggunakan orang bukan Islam dalam salah satu urusan negara, iaitu mengajar anak-anak Islam dari golongan Ansar menulis (Muhammad Husain, 1998).

Di dalam hadis yang lain, ketika dalam perjalanan menuju ke Mekah pada tahun 6H di satu tempat bernama *Zu al-Hulaifah*, Baginda telah menghantar seorang perisik daripada puak Khuza'ah untuk meninjau tentang kekuatan Quraisy. Lelaki itu adalah seorang kafir dan Baginda telah menyerahkan kepadanya tugas yang amat penting iaitu merisik kekuatan musuh. Hal ini tidak syak lagi menunjukkan bahawa Baginda mempercayainya. Sekaligus dengan itu ia membuktikan bahawa harus menyerahkan tugas-tugas pentadbiran awam negara kepada golongan etnik bukan Islam apabila mereka dapat memenuhi syarat-syarat kelayakan yang diperlukan iaitu kemampuan bekerja, boleh dipercayai dan beramanah (Abd al-Karim, 1976).

Dengan itu jelas menunjukkan bahawa harus melantik *ahl al-Zimmi* di dalam perjawatan awam kerajaan sekiranya mereka memiliki kelayakan yang diperlukan. Ini sebenarnya adalah satu sikap tolak ansur yang cukup maksimum dilakukan oleh Islam kepada mereka yang tidak menerima Islam sebagai akidah mereka.

## JUH Hak Berekonomi.

Mereka mempunyai sepenuh kebebasan untuk bekerja dan mencari pendapatan sama ada dalam bentuk bekerjasama dengan orang lain ataupun dalam bentuk kerja-kerja sendirian. Mereka juga bebas memilih sebarang kerja yang ada seperti perusahaan, pertukangan, perniagaan dan pertanian; dan melibatkan diri di dalam apa sahaja bentuk aktiviti ekonomi. Kedudukan mereka ini tidak berbeza dengan orang Islam.

Tidak ada konsep keistimewaan kepada orang Islam tanpa yang lain dalam hal-hal berekonomi. Islam menjelaskan bahawa orang yang rajin berusaha akan mendapat perkara yang diidam-idamkan. Islam meletakkan konsep siapa yang berusaha dia akan dapat sebaliknya mereka yang malas akan ketinggalan.

Para sarjana Islam berpendapat bahawa kedudukan golongan etnik bukan Islam di dalam urusan kewangan seperti jual beli dan lain-lain adalah sama seperti orang Islam tanpa sebarang pengecualian melainkan urusan di dalam urusan riba yang dilarang terhadap mereka dan orang Islam. Di dalam satu perjanjian dengan orang Majusi, Rasulullah S.A.W. telah menyatakan:

*"Sama ada kamu meninggalkan riba atau kamu yang memulakan peperangan dengan Allah dan RasulNya." (Mat Saad, 1995)*

Mereka juga dilarang menjual arak dan khinzir di kawasan-kawasan perkampungan orang Islam, begitu juga mereka dilarang membuka tempat-tempat minum arak, memberi kemudahan mendapatkannya atau mengimportnya ke dalam perkampungan Islam secara terang-terangan sekalipun ia bertujuan untuk keperluan mereka sahaja. Larangan ini mempunyai matlamat yang besar, iaitu menyekat kemungkinan merebaknya keburukan dan menutup punca timbulnya fitnah (Mat Saad, 1995).

Selain daripada perkara-perkara tersebut yang terbatas bilangannya, orang etnik bukan Islam boleh menikmati kebebasan penuh di dalam menjalankan perniagaan, perusahaan dan pekerjaan-pekerjaan lain dalam pelbagai bentuk. Inilah suasana yang telah berlaku dan tercatat dalam sejarah orang Islam pada setiap zamannya. Malah kadangkala pula didapati sebahagian profesion hanya dimonopoli oleh etnik bukan Islam sahaja seperti kerja perniagaan, perkilangan dan sebagainya. Keadaan ini berlanjutan sehingga ke waktu mutakhir ini di kebanyakan negara Islam. Di sebalik aktiviti-aktiviti sedemikian mereka telah mampu mengumpulkan kekayaan yang begitu tinggi yang dikecualikan daripada pembayaran zakat dan cukai kecuali *jizyah* sahaja.

Keadaan ini telah disaksikan kebenarannya oleh seorang sejarawan Barat, iaitu Adam Mitz. Katanya, tidak ada di dalam syariat Islam sesuatu yang menutup mana-

mana pintu pekerjaan terhadap golongan etnik bukan Islam atau *ahl al-Zimmah*. Kedudukan mereka adalah kukuh di dalam beberapa faktor perusahaan yang membawa keuntungan yang tinggi; merekalah pengurup wang, peniaga, tukang emas dan doktor (al-Qardawi, 1977).

Jelaslah bahawa tiada di dalam syariat Islam sesuatu yang menyekat kebebasan golongan etnik bukan Islam menikmati kebebasan bekerja melainkan di dalam beberapa masalah kecil yang telah dijelaskan sebelum ini. Mereka diberi hak seluas-luasnya untuk mencari rezeki dan pekerjaan bagi menanggung kehidupan mereka. Kaedah yang dituntut oleh Islam ialah jangan menindas dan menganiaya orang lain. Setiap pekerjaan yang dilakukan hendaklah dilakukan dengan jujur dan amanah demi kepentingan negara.

Setiap perkara yang berkaitan dengan ekonomi seperti sistem cukai perniagaan, pertanian, pengkopratan dan sebagainya akan dikenakan kepada semua orang tidak kira Islam atau bukan Islam. Setiap ketetapan yang tidak dikenakan kepada orang Islam ia juga tidak dikenakan kepada golongan etnik bukan Islam. Islam mementingkan perhubungan sesama manusia daripada mengaut keuntungan semata-mata dengan menindas orang lain seperti yang berlaku dalam sistem kapitalis.

Contohnya, apabila seseorang etnik yang bukan Islam mati dan dia tidak sempat membayar cukai hasil daripada pendapatannya dalam perniagaan; belum membayarnya atau hanya membayar sebahagian sahaja, maka warisnya tidak perlu lagi melunaskan cukai tersebut (*Jizyah*) bahkan tidak diambil daripada harta pusakanya walaupun jumlah harta pusaka si mati tersebut banyak. Ini menggambarkan Islam memelihara perpaduan dan hubungan di kalangan masyarakat yang berbagai etnik daripada kepentingan-kepentingan yang lain (al-Nawawi 1989).

### **Kesimpulan.**

Hubungan-hubungan yang ditunjukkan ini telah membuktikan bahawa Islam mementingkan perhubungan etnik dan kesepaduan masyarakat daripada sebarang penindasan dan perkauman asalkan semua etnik bersatupadu dan hidup dalam suasana yang aman dan harmoni. Ia juga menggambarkan bahawa masyarakat yang berada di bawah pemerintahan Islam, mampu melahirkan suasana aman dan harmoni walaupun berbilang kaum dan etnik. Justeru Islam menekankan konsep perdamaian dan keamanan sangat meskipun perkara yang melibatkan perperangan dengan meletakkan adab dan etika supaya tidak menganiaya golongan yang lemah seperti orang tua, wanita dan kanak-kanak.

## Bibliografi

- Abdullah Basmeih. (1995). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Al-Nawawi, Abu Zakriyya Yahya bin Syarf. (1989). *Minhaj al-Talibin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-'Akk, Khalid bin 'Abd al-Rahman. (1994). *Usul al-Tafsir Wa Qawa'iduh*. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Al-Baihaqi, Ahmad Hussin Ibn Ali. (1987). *Al-Sunan al-Kubro*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadhan. (1991). *Fiqh Sirah al-Nabawiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Dhahabi, Syams al-Din Muhammad bin Ahmad bin Uthman. (1994). *Siyar A'lam al-Nubala'*, Jilid 2, Ed. al-Arnaut, Syu'ib. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Khatib, Muhammad 'Abd Allah. (1990). *Ciri-Ciri Khusus Masyarakat Islam*. Terj. Taib Azamuddin Mohd. Taib et. al. Kuala Lumpur: Pustaka Abdul Majid dan Pustaka Hamduna.
- Al-Mawdudi, Abu A'la. (1997). *Asas-Asas Islam*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Mawdudi, Abu A'la. (2000). *Hak-Hak Bukan Islam Dalam Negara Islam*. Terj. Zahazan & Mohd Khairuddin. Kuala Lumpur : Nuffair Street Sdn. Bhd.
- Al-Mawardi, Abu Hasan al-Basri. (1985). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qardawi, Yusuf. (1977). *Ghayr al-Muslimin fi al-Mujtama' al-Islami*. Kaherah: Maktabah al-Wahbah.
- Al-Qardawi, Yusuf. (2001). *Fiqh al-Dawlah*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din. (1967). *Al-Jami' al-Saghir*. Kaherah: Dar al-Katib al-'Arabi li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.
- Ibn 'Abidin, (1996). *Hasyiah Radd al-Mukhtar*. Kaherah: Matba'ah 'Isa al-babi al-Halabi.

Mat Saad Abd. Rahman, (1995). "Kedudukan Masyarakat Bukan Islam Dalam Syariah Pemerintahan Islam", dlm. Abdul Monir Yaacob & Sarina Othman, sunt., *Pemerintahan Islam Dalam Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Mohd Hafiz Mahyudin, (2002). *Kepimpinan Orang Bukan Islam Dalam Negara Islam Menurut Perpektif Siasah Syar'iyyah*. Tesis Sarjana Pengajian Syariah. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Muhammad Husain Haekal, (1998). *Sejarah Hidup Muhammad S.A.W.* Terj. Ali Audah. Singapura: Pustaka Nasional.

Zaidan, 'Abd al-Karim. (1976). *Ahkam al-Zimmiyin wa al-Musta'minin*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.